

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah langkah yang sedang diambil untuk memastikan bahawa penghitug banci 2020 adalah mencukupi apabila Banci 2020 secara bersemuka (*face to face*) dijalankan dari 20 Januari 2021 hingga 6 Februari 2021. Bolehkah masa untuk melakukan banci secara bersemuka dipanjangkan lagi memandangkan SOP yang perlu diikuti akibat daripada COVID-19.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, banciaan pada Fasa Pertama iaitu dilaksanakan secara dalam talian telah dilanjutkan sehingga 21 Disember 2020 dan Fasa Kedua secara bersemuka pada 20 Januari hingga 6 Februari 2021 berikutan dengan pandemik COVID-19.
2. Pengambilan pembanci dan penyelia akan dibuat melalui pasaran terbuka dan juga di kalangan penjawat awam. Sehubungan dengan perkara tersebut, bilangan pembanci dan penyelia dijangka mencukupi untuk tujuan banci bersemuka pada tahun hadapan.
3. Tempoh pembanciaan Fasa Kedua yang dilaksanakan secara bersemuka pada masa ini telah ditetapkan bermula pada 20 Januari sehingga 6 Februari 2021. Sebarang pelanjutan tempoh banciaan adalah bergantung kepada situasi semasa dalam negara, terutamanya keadaan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.